

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HFA 101 - Pengantar Falsafah

Masa: [3 jam]

---

Arahan: KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Socrates menyakini bahawa sekiranya seorang individu itu mengetahui mengenai kebaikan, dia tidak akan melakukan kejahatan. Jelas dan bincangkan secara analitik pandangan Socrates ini. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Socrates? Beri alasan untuk pandangan anda.
2. Untuk Plato ilmu mengenai Forms atau Bentuk adalah ilmu yang pasti dan benar. Jelas dan bincangkan secara analitik apakah yang dimaksudkan oleh Plato dengan Bentuk dan bagaimanakah manusia boleh memperolehi ilmu mengenainya? Adakah anda bersetuju dengan pandangan Plato? Beri alasan untuk pandangan anda.
3. Al-Ghazzali dalam autobiografinya, al-Munqidh min al-dalal membicarakan mengenai kesangsiannya mengenai ilmu yang ada pada manusia. Jelas dan bincangkan secara analitik jenis ilmu yang disangsikan oleh beliau dan jenis ilmu yang dicarinya. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Al-Ghazzali? Beri alasan untuk pandangan anda.
4. Berasaskan Kitab fasi al-maqal Ibn Rushd, jelas dan bincangkan secara analitik pandangan Ibn Rushd mengenai falsafah dan kepentingan bidang ini untuk agama. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Ibn Rushd? Beri alasan untuk pandangan anda.
5. Apakah pandangan Sankara mengenai maya dan pertaliannya dengan Brahman? Apakah perbezaan di antara pandangan Sankara dan ahli falsafah Vedanta yang lain mengenai perkara ini? Jelas dan bincangkan secara analitik pandangan Sankara dan perbezaan di antara pandangannya dan ahli falsafah Vedanta yang lain.
6. Untuk Sartre kebebasan manusia untuk bertindak mempunyai kaitan rapat dengan hakikat diri manusia. Jelas dan bincangkan secara analitik pandangan Sartre mengenai kebebasan manusia untuk bertindak dan kaitannya dengan hakikat diri manusia. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Sartre? Beri alasan untuk pandangan anda.

- oooOOOooo -

